Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 11, e001916
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1916

Kekangan Kemahiran Membina Ayat Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun Empat SJKT

(Constraints of Malay Sentence Constructing Skills Among Fourth Year Students of SJKT)

Revathi Raja Gopal[1], Dahlia Janan[2*], Nasir Masran[3]

[1]Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
Email: revathinathan1103@yahoo.com
[2]Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
Email: dahlia@fbk.upsi.edu.my
[3]Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
Email: m.nasir@fpm.upsi.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Dahlia Janan
(dahlia@fbk.upsi.edu.my)

KATA KUNCI:
Kemahiran menulis
Murid sekolah Tamil
Kekangan dalam pengajaran dan pembelajaran

KEYWORDS:
Writing skills
Tamil school pupils
Constraints in teaching

CITATION:
Revathi Raja Gopal, Dahlia Janan, & Nasir Masran. (2022). Kekangan Kemahiran Membina Ayat Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun Empat SJKT. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(11), e001916. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1916

ABSTRAK

Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang amat membimbangkan guru subjek Bahasa Melayu di sekolah Tamil. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid sekolah Tamil Tahun Empat dalam kemahiran membina ayat serta membincangkan kekangan yang dihadapi dari persepsi guru dan murid semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat bahasa Melayu di sekolah Tamil. Responden kajian terdiri daripada 119 orang guru sekolah Tamil yang mengajar Tahun Empat di seluruh negeri Perak. Bagi analisis dokumen pula seramai 20 orang murid daripada empat buah sekolah Tamil di Kinta Utara dilibatkan sebagai sampel kajian. Analisis dokumen yang dijalankan telah menyokong dapatan soal selidik. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan deskriptif dan dapatan data soal selidik dianalisis menggunakan SPSS Versi 22.0 untuk mencari min dan peratusan. Melalui penganalisisan data, didapati bahawa murid sekolah Tamil menghadapi masalah untuk membina ayat tanpa kesalahan tatabahasa serta lemah dalam penguasaan bahasa. Selain itu, dapatan kajian analisis dokumen menunjukkan terdapat lapan aspek masalah penulisan yang sering dilakukan oleh murid sekolah Tamil terutama kesalahan tatabahasa menunjukkan memang wujud beberapa kekangan dari persepsi guru semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat. Kajian ini mencadangkan guru-guru supaya mempelbagaikan kaedah pengajaran serta meningkatkan pengetahuan guru ke arah mempelbagaikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat dengan kreatif dan berkualiti agar prestasi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kemahiran menulis murid SJKT dapat ditingkatkan pada masa akan datang.

ABSTRACT

Writing skills are one of the important skills in Tamil schools. Accordingly, this study aims to review teachers' perceptions of Year Four Tamil school students' mastery of sentence building skills as well as discuss the constraints faced from teachers' and students' perceptions during teaching and learning activities in Malay language building skills in Tamil schools. The study respondents consisted of 119 Tamil school teachers who teach Year Four throughout the state of Perak. For document analysis, a total of 20 students from four Tamil schools in Kinta Utara were included as a study sample. The document analysis conducted has supported the findings of the questionnaire. This study is in the form of a descriptive survey and the findings of the questionnaire data are analyzed using SPSS Version 22.0 to find the mean and percentage. Through data analysis, it was found that Tamil school students have problems to build sentences without grammatical errors and are weak in language proficiency. In addition, the findings of the document analysis study show that there are eight aspects of writing problems that are often made by Tamil school students, expecially grammatical errors . There are indeed some constraints from the teacher's perception when implementing teaching and learning sentence building skills. This study suggests teachers to diversify teaching methods and increase teacher knowledge towards diversifying approaches to teaching and learning creative and quality sentence building skills so that the performance of SJKT students' writing skills can be improved in the future.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah mendapati bahawa kekangan yang dihadapi oleh murid SJKT dapat diatasi dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dengan menggunakan Bahan Bantu Mengajar yang sesuai mengikut tahap penguasaan murid. Penyelidik boleh menggunakan hasil kajian ini dalam merancang kajian akan datang.

1. Pengenalan

Pengenalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), menggantikan KBSR merupakan satu langkah drastik Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang dianggap baik dan mempunyai matlamat tersendiri serta melalui proses transformasi selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21. Sehubungan itu, PPPM menggariskan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu di sekolah rendah yang berfokus pada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa yang melibatkan kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis, kemahiran seni bahasa dan tatabahasa.

Di bawah dasar KSSR ini, semua mata pelajaran termasuk bahasa Melayu telah mengalami perubahan yang drastik. Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Melayu dan pendekatan modular. Kemahiran bahasa meliputi kemahiran seperti

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Dalam kajian ini , kemahiran menulis iaitu kemahiran membina ayat ditekankan.

Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang unggul yang membawa kepada kecemerlangan seseorang murid dalam akademik. Kemahiran ini harus diberi penekanan dan dititik beratkan sehingga murid mampu membina ayat dengan susunan yang betul serta berkebolehan untuk melahirkan idea, pandangan dan pendapat mereka dalam bentuk penulisan sama ada dalam bentuk karangan, sajak mahupun cerita. Sekiranya murid tidak menguasai kemahiran menulis, sebagai akibatnya sesuatu yang diungkapkan secara lisan mahu pun bacaan tidak dapat dipindahkan dalam bentuk penulisan (Noor Habsah & Yahya, 2018). Oleh itu, guru bahasa Melayu perlu memperkenalkan pelajar bahasa kedua ini dengan pelbagai strategi pembelajaran (Zamri, 2016). Dengan ini, matlamat pembelajaran abad-21 akan dapat direalisasikan seterusnya dapat melahirkan pelajar yang menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Kemahiran bahasa merupakan teras dalam Standard Kurikulum Bahasa Melayu. Dalam mencapai kemahiran bahasa dalam standard ini, kemahiran menulis turut diberi penekanan kerana kemahiran menulis merujuk kepada kemampuan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan turut diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Pada masa yang sama, murid harus menguasai komponen tatabahasa yang merujuk aspek morfologi dan sintaksis. Aspek ini perlu diajar dan dilaksanakan melalui pengajaran yang terancang dengan teknik yang sesuai dan berkesan supaya murid memahami dan menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat dalam pelbagai konteks secara lisan dan bertulis.

Sebagaimana yang kita maklum, PdP kemahiran menulis murid Tahap I menekankan kemahiran menulis asas iaitu mengenal abjad, membentuk perkataan, frasa dan ayat. Manakala kemahiran menulis bagi murid tahap II pula, lebih menjurus kepada aplikasi kemahiran bahasa. Melalui penguasaan kemahiran bahasa ini, secara automatik murid dapat meningkatkan penguasaan kosa kata dan tatabahasa yang merupakan salah satu apek penting dalam dasar KSSR. Dengan ini, murid dapat menghasilkan penulisan yang kreatif dan berkualiti.

1.1. Pernyataan Masalah

Berdasarkan Standard Prestasi Kemahiran Menulis bagi murid SJKT, didapati murid tidak dapat menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul. Kajian yang dijalankan oleh Nor'Azian dan Fadzilah (2018), di bawah tajuk "Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Bukan Penutur Natif di sekolah Jenis kebangsaan (SJK)", membuktikan bahawa ketidaklancaran kemahiran membaca dan kelemahan penguasaan kemahiran menulis dilihat sebagai punca kemerosotan pencapaian akademik di sekolah rendah.

Pemahaman input kemahiran membaca dan menulis dilihat satu-satunya mekanisme yang dapat meningkatkan profesiensi lingustik. Murid dari kategori lemah tidak dapat menulis idea dengan ayat yang gramatis serta bermasalah dalam penggunaan kosa kata, struktur ayat, imbuhan, tanda baca dan ejaan. Dapatan ini sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Che Zanariah dan Fadzilah (2011), di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang bertujuan untuk meninjau pendapat guru tentang sikap mereka terhadap pelaksanaan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kemahiran menulis serta menganalisis permasalahan kemahiran menulis yang dihadapi oleh guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian membuktikan bahawa terdapat permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu iaitu masalah pengetahuan dan kemahiran guru serta masalah kelemahan murid dalam kemahiran menulis.

Kelemahan serta masalah dalam penghasilan struktur ayat yang lemah wujud disebabkan oleh pengaruh bahasa ibunda. Walaupun, pelbagai usaha telah diambil oleh kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan namun, masih terdapat pelbagai masalah dalam menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah terutamanya di sekolah Tamil. Penyataan ini dibuktikan melalui dapatan kajian Maniam dan Ponniah (2014). Dapatan kajian mereka membuktikan gangguan bahasa ibunda merupakan gangguan negatif dalam hasil penulisan murid dan bahasa ibunda banyak mempengaruhi gaya penulisan murid sehingga membawa kepada pencapaian yang lemah dalam bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah.

Selain itu, kelemahan dalam penghasilan struktur ayat yang lemah berpunca daripada ketidakfahaman murid terhadap penggunaan sistem bahasa yang terdapat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Sistem bahasa terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata dan peribahasa (DSKP Bahasa Melayu Tahun Empat SJKT). Mengikut Zaliza (2017), kekurangan dan kekeliruan dalam penggunaan sistem bahasa menyebabkan murid lemah dalam penulisan.

Kelemahan murid menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul berpunca daripada strategi pembelajaran yang tidak bersesuaian dengan tahap penguasaan murid. Visurasam (2013), melalui kajiannya membuktikan bahawa strategi pembelajaran menjadi punca utama kesilapan pelajar India semasa mempelajari bahasa Melayu. Penggunaan strategi pembelajaran yang tidak bersesuaian dengan tahap penguasaan murid SJKT menyebabkan murid hilang minat dan tumpuan serta kurang motivasi untuk terus mempelajari kemahiran bahasa Melayu. Penggunaan strategi pembelajaran yang tidak selari dengan kehendak dan tahap kognitif murid SJKT membawa kesan semasa murid menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul.

Selain daripada itu, kelemahan penghasilan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul dalam kalangan murid sekolah rendah berpunca daripada masalah guru yang tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran ke arah PAK21. Kegagalan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran juga merupakan faktor yang menjejaskan pencapaian murid dalam kemahiran menulis dan membantutkan hasrat kementerian Pendidikan Malaysia untuk menghasilkan murid yang mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran dan seterusnya mengembangkan kemahiran penulisan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Akhir sekali, kelemahan murid menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul turut dipengaruhi oleh gaya pembelajaran. Kepelbagaian cara belajar dan cara berfikir merupakan gaya pembelajaran yang membolehkan seseorang individu untuk menjalani aktiviti pembelajaran dengan lebih baik bagi menguasai kemahiran-kemahiran tertentu melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian di dalam kelas (Nachiappan et al., 2018). Pengajaran akan lebih berkesan jika guru melaksanakan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran murid (Dunn & Dunn, 1978).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

1.2. Tujuan

Tujuan kajian ini dijalankan terhadap guru-guru bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Tamil di negeri Perak adalah untuk meninjau dan mendapatkan pandangan serta persepsi mereka terhadap tahap penguasaan murid Tahun Empat di sekolah Tamil serta mengenal pasti kekangan yang dihadapi oleh guru dan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat bagi murid Tahun Empat di Sekolah Tamil.

1.3. Soalan Kajian

Kajian ini menjawab soalan-soalan seperti berikut:

i. Apakah persepsi guru terhadap Tahap Penguasaan murid dalam kemahiran membina ayat bagi mata pelajaran bahasa Melayu Tahun Empat di SJKT?
ii. Apakah kekangan yang dihadapi oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat bagi murid Tahun Empat di SJKT?
iii. Apakah kekangan yang dihadapi oleh murid Tahun Empat di SJKT semasa proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat ?

2. Tinjauan Literatur

Umumnya, pelbagai kajian lepas telah dilaksanakan untuk mengkaji kemahiran menulis ayat dalam kalangan murid di sekolah rendah. Pelbagai kaedah dan rumus telah dibincangkan dalam setiap kajian bagi meningkatkan prestasi kemahiran menulis di sekolah rendah. Penguasaan bahasa Melayu mungkin tidak menimbulkan masalah yang besar dalam kalangan murid sekiranya Bahasa Melayu merupakan B1 ataupun bahasa ibunda kepada murid tersebut. Sebaliknya, ia menjadi satu cabaran kepada murid bukan Melayu, khususnya murid India yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai B2. Oleh kerana B1 diperoleh melalui pemerolehan bahasa manakala B2 diperoleh melalui pembelajaran bahasa, maka murid dapat menggunakan B1 dengan betul tanpa melalui pendidikan formal malah menguasainya secara semula jadi.

Apabila menyentuh tentang tahap penguasaan murid dalam kemahiran membina ayat Bahasa Melayu , murid sekolah Tamil di Tahun Empat, memang lemah dalam aspek tatabahasa, dan kurang mahir semasa membina ayat dengan subjek dan predikat yang betul. He (2016), mendapati bahawa murid menghadapi masalah semasa proses mengorganisasikan dan menyusun atur kandungan penulisan dengan baik disebabkan penulisan mereka tersepit antara bahasa ibunda dengan bahasa kedua. Ibrahim (2015), turut menyatakan bahawa pembinaan struktur ayat yang betul merupakan salah satu masalah yang dihadapi dalam penulisan. Daripada kajian yang dijalankan oleh Maniam dan Ponniah (2014), yang bertajuk "Pengaruh bahasa ibunda (Bahasa Tamil) dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu, mereka mengakui bahawa memang wujud pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan pelajar sekolah Tamil, terutamanya dalam domain sintaksis dan perbendaharaan kata. Kenyataan ini dipersetujui oleh Zamri dan Anita (2020) dengan penyataan bahawa kesan kekurangan perbendaharaan kata menyebabkan pelajar cenderung menggunakan bahasa ibunda. Kenyataan ini juga selari dengan pendapat Noor Habsah dan Yahya (2018), masalah kosa kata yang terhad menyebabkan pelajar tidak dapat menghuraikan idea dengan baik malahan menggunakan perkataan daripada bahasa ibunda untuk melahirkan idea dalam penulisan. Dengan ini, kajian ini membuktikan bahawa penguasaan perbendaharaan kata yang lemah telah dikenal pasti sebagai salah satu sebab mengapa kanak-kanak tidak dapat menguasai bahasa Melayu tanpa gangguan bahasa ibunda. Melalui kajian Visurasam (2013), didapati orang India telah menerima

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara dan mempelajarinya secara formal atau tidak formal. Namun, penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar India masih kurang memberangsangkan.

Kemahiran membina ayat tidak dapat diasingkan daripada aspek sintaksis. Menurut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun Empat (semakan 2017), yang digubal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (2011), aspek sintaksis merupakan kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Sintaksis juga lebih berfokus terhadap kata, frasa, klausa serta menitik beratkan subjek dan predikat dalam setiap penghasilan ayat yang lengkap. Kelemahan dalam aspek sintaksis dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang mengganggu pembentukan ayat murid. Dazriiansyah (2016), dalam kajiannya telah mendapati bahawa pelajar menghadapi masalah dalam menggunakan struktur perkataan yang melibatkan fungsi subjek, predikat, objek, dan unsur keterangan semasa menghasilkan karangan. Kebiasaannya, murid sekolah SJKT sering melakukan kesilapan aspek sintaksis agak sukar dianalisis secara terperinci kerana sesuatu ayat yang dibina mengandungi lebih daripada satu kesilapan. Contohnya, struktur ayat, binaan frasa, ayat tergantung, malah terdapat ayat yang tidak difahami maksudnya turut ditemui dalam data. Setiap pelajar melakukan kesilapan aspek sintaksis yang pelbagai jenis dan agak sukar bagi pengkaji untuk mengkategorikan kepelbagaian tersebut. Kebanyakan ayat yang dibina menyalahi bentuk dan struktur yang telah ditetapkan oleh peraturan-peraturan sintaksis.

Penelitian terhadap aspek tatabahasa dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu banyak dilakukan oleh sarjana bahasa antaranya Zaharani dan Nor Hashimah (2010), Zaharani et al. (2011), Ramli (2006) dan Zulkifley (2006) yang secara purata membincangkan aspek pembetulan kata dan tatabahasa bahasa Melayu , namun mereka tidak meneliti aspek kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar. Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan beberapa langkah dan pengubahsuaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu perlu dilaksanakan agar pengajaran bahasa Melayu dapat dilaksanakan dengan sempurna.

3. Metod Kajian

Reka bentuk kajian ini lebih berpaksikan kepada tinjauan deskriptif. Tinjauan deskriptif ini lebih sesuai untuk kajian ini di mana bentuk kajian ini akan meninjau persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam kemahiran membina ayat serta kekangan yang dihadapi oleh golongan guru semasa menyampaikan pengajaran kemahiran membina ayat kepada murid Tahun Empat yang belajar di sekolah Tamil di negeri Perak.

Peserta kajian telah diberikan satu set soal selidik kajian dalam bentuk *google form* untuk meninjau persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam kemahiran membina ayat serta kekangan yang dihadapi dari persepsi guru subjek serta murid semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Pengumpulan data bagi kajian ini adalah dalam bentuk soal selidik yang diadaptasi daripada kajian yang dijalankan oleh Normazidah (2012). Soal selidik menggunakan skala Likert lima mata iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3= kurang setuju, 4= setuju dan 5= sangat setuju. Soal selidik ini mengandungi 3 bahagian. Bahagian A adalah Demografi Responden yang mengandungi 4 soalan berkaitan jantina, jawatan, umur, pengalaman mengajar serta kelulusan akademik responden kajian. Bahagian B berkaitan dengan persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam kemahiran membina ayat bahasa Melayu manakala Bahagian C

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pula meninjau jenis-jenis kekangan semasa pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat dari persepsi guru dan murid.

Responden kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah Tamil di negeri Perak. Terdapat 11 buah daerah di negeri Perak yang terdiri daripada 134 buah sekolah Tamil. Daripada 134 buah sekolah Tamil sebanyak 56 merupakan sekolah kurang murid yang bergelar (SKM). Seramai 119 orang responden terlibat dalam kajian yang diuruskan sendiri oleh pengkaji. Kesemua responden merupakan guru sekolah Tamil yang mengajar Tahun Empat di seluruh negeri Perak. Data yang diperoleh dianalisis deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS Versi 22.0. Antara analisis yang dilakukan dengan menggunakan statistik deskriptif meliputi peratus, kekerapan dan skor min. Analisis ini digunakan untuk menunjukkan komposisi responden dan ciri-ciri demografi guru seperti jantina, jawatan , umur, pengalaman mengajarkan bahasa Melayu, dan kelulusan akademik.

4. Dapatan Kajian

Bahagian ini memaparkan secara terperinci dapatan kajian berhubung dengan persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam kemahiran membina ayat, serta kekangan yang dihadapi dari persepsi guru dan murid semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat. Analisis ini diperoleh berdasarkan soal selidik guru serta disokong dengan analisis dokumen buku latihan penulisan murid Tahun Empat di sekolah Tamil.

4.1. Demografi Responden Kajian Soal Selidik Guru

Taburan data responden diperihalkan dalam Jadual 1 yang meliputi jantina, jawatan , umur, pengalaman mengajarkan bahasa Melayu, dan kelulusan akademik .

Jadual 1: Demografi Responden Kajian

Item	Kategori	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	30	25.2
	Perempuan	89	74.8
Jawatan	Guru Subjek BM	79	66.3
	Guru Cemerlang BM Ketua	1	.8
	Panitia BM	38	31.9
	Jurulatih Utama BM	1	.8
	Lain-lain	0	0
Umur	29 tahun	2	1.7
	30-39 tahun	33	27.3
	40-49 tahun	59	48.8
	50-59 tahun	25	20.7
Pengalaman mengajar Bahasa Melayu	6-10 tahun	18	15.1
	11-15 tahun	27	22.7
	16-20 tahun	55	46.2
	21- 25 tahun	13	10.9
	26-30 tahun	6	5.0

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kelulusan akademik	Sijil Perguruan	5	4.2
	Diploma Perguruan Malaysia		
	Ijazah Sarjana Muda	26	21.8
	Ijazah Sarjana Pendidikan	60	50.4
	Ijazah Doktor Falsafah	28	23.5
		0	0

Berdasarkan Jadual 1, taburan guru yang terlibat dalam kajian Fasa analisis keperluan ini adalah terdiri daripada 25.2 peratus guru lelaki dan 74.8 peratus guru perempuan. Selain itu, taburan berdasarkan umur pula menunjukkan responden kajian berada dalam lingkungan umur yang berbeza di mana peratusan terbesar guru Bahasa Melayu adalah sebanyak 48.8 peratus yang berumur 40-49 tahun. Dalam fasa ini juga, kategori guru yang berbeza turut dilibatkan di mana responden berada dalam kategori Guru Subjek, Guru Cemerlang, Ketua Panitia, Jurulatih Utama dan lain-lain. Dari segi pengalaman mengajar terdapat empat kategori di mana majoriti peratusan tertinggi berada pada kelompok 16-20 tahun iaitu seramai 55 orang (46.2%). Bagi taburan kelulusan akademik pula, terdapat lima kategori yang mana kategori kelulusan akademik peringkat Ijazah Sarjana Muda telah mencatat nilai tertinggi iaitu 50.4 peratus.

4.2. Persepsi Guru Terhadap Tahap Penguasaan Murid dalam Kemahiran Membina Ayat

Hasil dapatan kajian menunjukkan persepsi guru terhadap tahap penguasaan murid dalam kemahiran membina ayat di sekolah Tamil. Berdasarkan dapatan dalam Jadual 2 pula, walaupun murid berjaya menguasai kemahiran menulis asas, namun seramai 71 (59.6%) daripada responden kajian bersetuju dan sangat setuju dengan penyataan yang menyatakan bahawa kemampuan murid dalam membina ayat hanya berhenti dalam lingkungan kurang daripada empat patah perkataan. Pada masa yang sama, seramai 48 (40.3%) daripada responden kajian menolak penyataan bahawa murid dapat membina ayat kurang daripada empat patah perkataan. Manakala seramai 54 (45.3%) daripada responden bersetuju dan sangat setuju dengan penyataan bahawa kemampuan murid membina ayat adalah kurang daripada lima patah perkataan. Walau bagaimanapun, seramai 65 (54.6%) daripada responden sangat tidak setuju, tidak setuju dan kurang setuju dengan penyataan ini. Sementara itu, seramai 96 (80.6%) daripada responden bersetuju dan sangat setuju bahawa murid lebih cenderung membina ayat pendek semasa membuat latihan membina ayat.

Jadual 2: Tahap Penguasaan Murid dalam Kemahiran Membina Ayat

Penyataan	**Kekerapan/peratus**				
Tahap penguasaan dalam kemahiran membina ayat	**STS**	**TS**	**KS**	**S**	**SS**
Murid dapat membina ayat kurang daripada empat patah perkataan.	1 .8%	2 1.7%	45 37.8%	62 52.1%	9 7.6%
Murid dapat membina ayat kurang daripada lima patah perkataan.	0 0%	6 5.0%	59 49.6%	46 38.7%	8 6.7%
Murid saya lebih cenderung membina ayat pendek semasa membuat latihan membina ayat.	3 2.5%	5 4.2%	7 5.9%	79 66.4%	25 21.0%
Murid saya dapat membina ayat yang lengkap berdasarkan gambar yang diberikan.	5 4.2%	13 10.9%	58 48.7%	31 26.1%	12 10.1%

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Penyataan	Kekerapan/peratus				
Tahap penguasaan dalam kemahiran membina ayat	**STS**	**TS**	**KS**	**S**	**SS**
Murid saya dapat membina ayat tunggal berdasarkan gambar.	0 0%	0 0%	33 27.7%	72 60.5%	14 11.8%
Murid saya dapat membina ayat majmuk berdasarkan gambar.	10 8. %	28 2.5%	60 50.4%	17 14.3%	4 3.36%

Berdasarkan Jadual 2, majoriti daripada responden kajian iaitu seramai 76 (63.9%) sangat tidak setuju, tidak setuju dan kurang setuju dengan penyataan bahawa murid dapat membina ayat lengkap berdasarkan gambar yang diberikan manakala seramai 43 (36.1%) sahaja yang menyetujui penyataan ini. Sementara itu, seramai 86 (72.3%) daripada responden bersetuju dan sangat setuju bahawa murid dapat membina ayat tunggal berdasarkan gambar. Penyataan ini tidak dipersetujui oleh seramai 33 (27.7%) daripada responden kajian. Sementara itu, seramai 98 (82.4%) daripada responden kajian kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan penyataan bahawa murid dapat membina ayat majmuk berdasarkan gambar. Penyataan ini pula hanya dipersetujui oleh seramai 21 (17.6%) daripada responden kajian.

Dapatan kajian berdasarkan Jadual 3 menunjukkan bahawa seramai 36 (30.3 %) daripada responden kajian sangat bersetuju dan setuju dengan penyataan bahawa murid sekolah Tamil dapat menulis ayat dengan tanda baca yang betul. Sementara itu, bagi penyataan murid dapat menulis ayat dengan ejaan yang betul pula hanya dipersetujui oleh seramai 41 (34.5%) daripada responden kajian. Sebilangan besar daripada responden kajian iaitu 78 (65.5%) menolak penyataan ini. Pada masa yang sama, seramai 74 (62.2%) daripada responden kajian sangat tidak setuju, kurang setuju dan tidak setuju dengan penyataan bahawa murid dapat menulis ayat dengan imbuhan yang betul. Daripada dapatan kajian juga, seramai 80 (67.2%) daripada responden kajian menolak penyataan bahawa murid mampu membina ayat tanpa kesalahan tatabahasa.

Jadual 3:Tahap Penguasaan murid dalam Aspek Tatabahasa

Penyataan	**Kekerapan/peratus**				
Penguasaan aspek tatabahasa	STS	TS	KS	S	SS
Murid saya dapat menulis ayat dengan tanda baca yang betul.`	14 11.8%	16 13.4%	53 44.5%	22 18.5%	14 11.8%
Murid saya dapat menulis ayat dengan ejaan yang betul.	3 2.5%	10 1.7%	65 54.6%	31 26.1%	10 8.4%
Murid saya dapat menulis ayat dengan imbuhan yang betul.	0 0%	2 1.7%	72 60.5%	34 28.6%	11 9.2%
Murid saya mampu membina ayat tanpa kesalahan tatabahasa.	0 0%	4 3.4 %	76 63.9%	33 27.7%	6 5.0%

4.3. Kekangan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Membina Ayat dari Persepsi Guru

Jadual 4 memaparkan keputusan analisis deskriptif terhadap kekangan yang dihadapi guru dari aspek tugasan dan kekangan yang dihadapi semasa proses pengajaran dan pemelajaran kemahiran membina ayat dalam bilik darjah .

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 4: Kekangan Guru

Penyataan	Kekerapan/peratus				
Kekangan guru	**STS**	**TS**	**KS**	**S**	**SS**
Peruntukan waktu 9 kali seminggu (270 minit) untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah tidak mencukupi.	1 .8%	10 8.4%	32 26.9%	67 56.3%	9 7.6%
Kursus/latihan berkaitan dengan PdP bahasa Melayu yang disediakan tidak mencukupi.	0 0%	9 7.6%	20 16.8%	75 63.0%	15 12.6%
Masalah murid ponteng sekolah menyebabkan PdP tidak dapat disampaikan secara sepenuhnya.	0 0%	4 3. 4%	13 10.9%	85 71.4 %	17 14.3%
Tidak dapat menyampaikan pengajaran seperti yang dirancang disebabkan kekangan masa.	2 1.7%	6 5.0%	19 16.0%	84 70.6%	8 6.7%
Beban tugas lain menghalang tumpuan saya untuk merancang dan melaksanakan pengajaran yang baik.	0 0%	3 2.5%	15 12.6%	79 66.4%	22 18.5%

Jadual 4 menunjukkan seramai 76 (63.9%) responden sangat bersetuju dan bersetuju dengan item pertama di mana pengagihan waktu 270 minit yang diperuntukkan untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, seramai 43 (36.1%) daripada responden kajian tidak setuju dan kurang setuju dengan penyataan ini. Sementara itu, seramai 90 (75.6%) berpendapat kursus/ latihan berkaitan dengan PdP bahasa Melayu yang disediakan tidak mencukupi. Seramai 29 (24.4%) daripada responden kajian pula menolak dan tidak bersetuju dengan penyataan tersebut. Pada masa yang sama, seramai 102 (85.7%) mengakui bahawa mereka berhadapan dengan masalah ketidakhadiran murid atau masalah murid ponteng sekolah tanpa alasan yang menyebabkan mereka tidak dapat menyampaikan pengajaran yang dirancang secara sepenuhnya kepada semua murid.

Berdasarkan Jadual 4, seramai 92 (77.3%) daripada responden dengan memberi persetujuan yang tinggi terhadap penyataan yang berhubung dengan kekangan masa sehingga tidak dapat menyampaikan pengajaran seperti yang dirancang. Walau bagaimanapun, seramai 27 (22.7%) daripada responden kajian menolak penyataan ini. Sementara itu, majoriti daripada responden kajian iaitu seramai 101 (84.9%) sangat bersetuju dan setuju dengan penyataan bahawa beban tugas sampingan mengganggu tumpuan guru untuk merancang dan melaksanakan pengajaran dengan baik. Pada masa yang sama, seramai 18 (15.1%) daripada responden kajian tidak setuju dan kurang setuju terhadap penyataan ini dan menolak beban tugas yang lain menghalang tumpuan untuk merancang dan melaksanakan pengajaran yang baik.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.4. Kekangan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Membina Ayat dari Persepsi murid

Dapatan kajian dalam Jadual 5 menunjukkan kekangan yang dihadapi dari persepsi murid semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat.

Jadual 5: Kelemahan Aspek Tatabahasa

Penyataan	**Kekerapan/peratus**				
Kelemahan aspek tatabahasa	**STS**	**TS**	**KS**	**S**	**SS**
Tidak boleh menulis dengan struktur ayat yang betul.	0 0%	3 2.5%	12 10.1%	87 73.1%	17 14.3%
Kebanyakan murid menulis ayat tergantung.	0 0%	4 3.4%	19 16.0%	84 70.6%	12 10.1%
Tidak mahir membina ayat aktif.	0 0%	6 5.0%	18 15.1%	84 66. 4%	11 9. 2%
Sering melakukan kesalahan tanda baca.	0 0%	4 3.4 %	18 15.1 %	81 68.1%	16 13.4%
Kekurangan perbendaharaan kata dalam ayat.	0 0%	2 1.7 %	11 9.2 %	80 67. 2%	26 21.8%
Kesalahan ejaan dalam ayat.	0 0%	4 3.4%	19 16.0%	86 72.3%	10 8.4%
Kesalahan imbuhan dalam ayat.	0 0%	3 2.5%	19 16.0%	83 69.7%	13 11.0%
Kebanyakan murid lemah menguasai kosa kata bahasa Melayu.	0 0%	5 4.2%	15 12.6%	85 71.4 %	14 11.8%

Berdasarkan dapatan Jadual 5, seramai 104 (87.4%) daripada responden mengakui bahawa murid tidak boleh menulis dengan struktur ayat yang betul. Walau bagaimanapun, seramai 15 (12.6%) daripada responden kajian tidak setuju dan kurang setuju dengan penyataan ini. Sementara itu, 96 (80.7%) daripada responden kajian menyatakan bahawa kebanyakan murid menulis ayat tergantung. Penyataan ini ditolak oleh 21 (17.6%) daripada responden kajian. Selain itu, seramai 95 (80.0%) daripada responden kajian bersetuju dan sangat setuju dengan penyataan bahawa terdapat golongan murid yang tidak mahir membina ayat aktif. Penyataan ini tidak dipersetujui oleh 23 (19.3%) daripada responden kajian.

Dapatan Jadual 5 menunjukkan seramai 22 (18.5%) daripada responden kajian tidak setuju dan kurang setuju dengan penyataan bahawa murid sering melakukan kesalahan tanda baca. Walau bagaimanapun, majoriti iaitu seramai 97 (81.5%) daripada responden kajian bersetuju dan sangat setuju dengan penyataan ini. Sementara itu, seramai 106 (89.0%) daripada responden kajian sangat bersetuju dan setuju bahawa ayat yang dibina oleh murid memang kekurangan perbendaharaan kata. Selain itu, bagi penyataan kesalahan ejaan dan kesalahan imbuhan dalam ayat pula dipersetujui dengan catatan yang sama iaitu sebanyak 96 (80.7%). Pada masa yang sama, seramai 20 (17.0%) daripada responden kajian menolak penyataan bahawa kebanyakan murid lemah menguasai kosa kata bahasa Melayu. Sebaliknya, seramai 99 (83.2%) daripada responden kajian bersetuju dan sangat setuju dengan penyataan ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dapatan dalam Jadual 6 menunjukkan, seramai 83 (69.7%) daripada responden kajian menyatakan setuju dan sangat setuju terhadap pandangan bahawa kebanyakan murid masih menunjukkan sikap negatif terhadap pembelajaran mata pelajaran bahasa Melayu manakala hanya 36 (30.2%) daripada responden kajian sahaja tidak bersetuju terhadap penyataan ini. Sementara itu, seramai 85 (71.2%) daripada responden kajian menyatakan bahawa murid sekolah Tamil lebih berminat untuk mempelajari bahasa ibunda daripada bahasa Melayu manakala sebanyak 24 orang responden sahaja iaitu 28.4 peratus tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Jadual 6: Pengaruh Bahasa Ibunda

Penyataan	**Kekerapan/peratus**				
Pengaruh bahasa Ibunda	**STS**	**TS**	**KS**	**S**	**SS**
Majoriti murid masih kurang berminat untuk mempelajari bahasa Melayu.	2 1.7%	10 8.4%	24 20.2%	71 59.7%	12 10.1%
Murid lebih berminat untuk mempelajari bahasa ibunda daripada bahasa Melayu.	3 2.5%	9 7.6%	22 18.5%	69 58.0%	16 13.4%

5. Analisis Dokumen

5.1. Demografi Responden Kajian (Murid)

Seramai 20 orang murid sekolah Tamil dipilih secara rawak *(purposive sampling*) bagi menjalankan analisis dokumen. Sebanyak empat buah sekolah Tamil dalam daerah Kinta Utara dilibatkan dalam kajian ini. Daripada setiap sekolah lima buah buku latihan penulisan dikumpulkan bagi menjalankan analisis dokumen. Taburan data responden diperihalkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Taburan Murid Mengikut Sekolah

Nama Sekolah	**Bilangan Murid**	**Bilangan buku latihan penulisan**
Sekolah A	5	4
Sekolah B	5	4
Sekolah C	5	4
Sekolah D	5	4
Jumlah buku: 20 buku latihan penulisan		

5.2. Analisis Dokumen Murid

Proses analisis keperluan selain responden guru menjawab soal selidik, kajian juga melibatkan analisis dokumen iaitu menganalisis buku latihan penulisan murid. Penyelidik menggunakan bukti dokumen sebagai salah satu teknik pengumpulan data selain instrumen soal selidik. Analisis dokumen dalam kajian ini dilakukan untuk menyokong dapatan daripada soal selidik. Proses analisis dokumen dijalankan dengan menggunakan hasil kerja murid dalam membina ayat bahasa Melayu.

5.2.1. Dapatan Analisis Buku Latihan Penulisan Murid

Jadual 8 menunjukkan dapatan analisis buku latihan penulisan murid dalam kemahiran menulis ayat

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 8: Dapatan Analisis Buku Latihan Penulisan Murid dalam Kemahiran Menulis Ayat

Tema	Subjek-subjek kajian																			
Jenis-jenis kesalahan	M 01	M 02	M 03	M 04	M 05	M 06	M 07	M 08	M 09	M 10	M 11	M 12	M 13	M 14	M 15	M 16	M 17	M 18	M 19	M 20
Tidak boleh menulis dengan struktur ayat yang betul		x	x	x	x	x	x		x	x	x	x		x	x	x	X	x		x
Sering melakukan kesalahan tanda baca	x	x	x	x	x	x	x	x	x		x	x	x	x	x	x	X		x	x
Kekurangan perbendaharaan kata dalam ayat	x	x	x				x					x	x	x		x	X			
Kebanyakan murid menulis ayat tergantung	x											x	x	x	x	x	x	x	x	x
Tidak mahir membina ayat aktif	x			x	x	x				x		x		x		x		x	x	
Kesalahan ejaan dalam ayat	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	X	x	x	x
Kesalahan imbuhan dalam ayat	x	x	x		x	x	x	x	x		x			x	x	x	X	x	x	x
Kebanyakan murid lemah menguasai kosa kata Bahasa Melayu		x		x			x	x	x	x		x	x		x			x	x	x

* Petunjuk: M ialah murid yang terlibat sebagai responden

6. Perbincangan

6.1. Persepsi Guru Terhadap Tahap Penguasaan Murid Dalam Kemahiran Membina Ayat

Dapatan berkenaan tahap penguasaan murid dalam kemahiran membina ayat didapati bahawa, walaupun murid sekolah Tamil berjaya menguasai kemahiran asas menulis, namun mereka masih lemah dalam menulis kata kerja transitif dan bukan transitif berdasarkan gambar. Pada masa yang sama, murid masih tidak dapat membina ayat aktif tanpa bimbingan guru dan kemampuan murid dalam membina ayat hanya berhenti dalam lingkungan kurang daripada empat atau lima patah perkataan sahaja dan mereka lebih cenderung membina ayat pendek dan ayat tunggal semasa membuat latihan membina ayat. Berdasarkan analisis dokumen, didapati bahawa, kebanyakan murid tidak mampu membina ayat lengkap berdasarkan gambar dan lemah dari aspek pembinaan ayat majmuk. Selain itu, kelemahan pembinaan ayat dapat dilihat dari aspek kesalahan tatabahasa yang meliputi ejaan, tanda baca, dan imbuhan. Hasil dapatan analisis dokumen membuktikan bahawa tahap penguasaan murid sekolah Tamil dalam kemahiran membina ayat tidak begitu menyenangkan dan majoriti murid sekolah Tamil tidak mampu membina ayat tanpa kesalahan tatabahasa.

Bagi tahap penguasaan murid, dapatan kajian menyatakan bahawa majoriti murid sekolah Tamil berjaya menguasai kemahiran asas menulis. Hujah ini disokong dengan penyataan Hashim (2005), bahawa murid sekolah rendah dapat menguasai kemahiran menulis bahasa Melayu dengan menulis suku kata, membentuk perkataan dan seterusnya frasa kata dan membina ayat mudah. Walaupun murid sekolah Tamil menguasai

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kemahiran asas penulisan, namun majoriti daripada mereka masih kurang mahir dan berkebolehan untuk menghasilkan ayat yang lengkap dengan kosa kata yang baik. Fenomena ini wujud disebabkan idea murid tidak dapat dikembangkan apabila menulis ayat-ayat yang pendek. Implikasinya, penghasilan karangan tidak begitu berkualiti dan bermutu untuk mencapai tahap cemerlang terutamanya semasa mereka melangkah ke sekolah menengah. Bilangan murid di sekolah menengah yang berpencapaian sederhana dalam penulisan karangan adalah lebih banyak berbanding dengan yang berpencapaian tinggi atau cemerlang (Abdullah et al., 2016).

6.2. Kekangan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Dari Persepsi Guru

Dapatan soal selidik berkenaan dengan kekangan dalam pengajaran kemahiran membina ayat berdasarkan persepsi guru, dapatan menunjukkan responden kajian terkesan dengan peruntukan masa yang diperuntukkan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu serta beban tugas yang semakin meningkat sehingga menjejaskan tumpuan serta mengganggu PdP yang dirancang. Ramai guru bersetuju mereka terpaksa memasukkan segala data dalam aplikasi pangkalan data yang pelbagai yang disediakan oleh KPM. Guru-guru memerlukan lebih meluangkan masa dengan aplikasi tersebut sehingga masa untuk merancang, membuat bahan bantu mengajar tidak dapat dilaksanakan seperti kehendak guru. Situasi ini menyebabkan rancangan mengajar harian yang dirancang gagal dilaksanakan oleh guru subjek kerana sibuk menguruskan kerja-kerja perkeranian dan kertas kerja yang semakin bertambah dengan pengenalan program-program, serta dasar-dasar baharu. Menurut Norazlin dan Siti Rahaimah (2019), kekangan masa wujud dari dua aspek iaitu masa berkaitan dengan proses pembelajaran dan waktu pengajaran yang terganggu oleh aktiviti-aktiviti lain yang tidak berkaitan dengan pengajaran mereka Hal-hal sedemikian ini sering menjadi alasan ketidakberdayaaan guru untuk mengembangkan diri dalam hal menyusun dan mengembangkan bahan pengajaran termasuk mempelbagaikan kaedah pengajaran.

Tambahan lagi, terdapat segelintir guru yang menghadapi masalah semasa menyediakan bahan sokongan yang menelan masa serta sumber kewangan yang tinggi. Kekangan waktu untuk menyediakan BBM serta peruntukan kewangan menyebabkan guru subjek lebih berpegang kepada buku teks dan mula mengamalkan PdP yang pasif. Menurut Richard (2001), ramai guru tidak mahu mengubah kaedah pengajaran berpusatkan murid kerana disebabkan oleh kekangan masa untuk merancang dan membuat persediaan rapi.

Selain itu, sebanyak 75.6 peratus guru pula bersetuju bahawa kurang menghadiri sebarang bengkel dan latihan berkaitan dengan teknik, kaedah dan cara pengajaran mengikut pedagogi terkini. Responden kajian juga berpendapat kekurangan kursus dan latihan mengajar Bahasa Melayu yang efektif dan berterusan juga secara tidak langsung menyebabkan guru subjek gagal mencuba kaedah PdP yang baharu, dan mereka hanya menggunakan kaedah lama dan terus berpegang kepada buku teks sahaja. Pendedahan kepada kursus Bahasa Melayu yang dilaksanakan oleh Jurulatih Utama, kemungkinan dapat membantu guru subjek mendapat pendedahan terkini dan peka terhadap perubahan dalam bentuk penskoran yang ditetapkan oleh KPM yang mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Dalam pada itu, pendedahan guru terhadap beberapa aplikasi pengajaran sama ada dalam bentuk cetakan mahupun teknologi, akan membantu guru mempelajari kaedah pengajaran yang terkini dan mereka nescaya akan dapat mengaplikasikan semasa PdP dalam bilik darjah untuk menarik minat murid mempelajari kemahiran membina ayat dengan berkesan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kekangan ini, secara tidak langsung mengganggu proses penyampaian pengajaran guru, kerana murid yang sering ponteng sekolah banyak ketinggalan dalam pelajaran dan akhirnya, murid berkenaan menyebabkan agen utama kepada penurunan prestasi pencapaian dalam Bahasa Melayu penulisan. Walaupun pihak sekolah menjalankan program PHILL untuk masalah ponteng sekolah serta Program Guru Penyayang, Ziarah Cakna serta Jom Ke Sekolah, namun peratus murid ponteng sekolah tanpa sebab masih berleluasa di sekolah Tamil. Kekangan ini kadang kala menjatuhkan motivasi guru subjek untuk mengajar murid yang bermasalah ini.

6.3. Kekangan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Dari Aspek Murid

Berdasarkan dapatan soal selidik mengenai kekangan dari aspek murid kebanyakan daripada responden mengakui bahawa murid tidak boleh menulis dengan struktur ayat yang betul, murid menulis ayat tergantung, tidak mahir membina ayat aktif, sering melakukan kesalahan tanda baca, ejaan, imbuhan dan pembinaan ayat dengan kekurangan perbendaharaan kata. Dapatan kajian ini pula disokong dengan analisis dokumen yang dijalankan oleh penyelidik menggunakan buku latihan penulisan murid. Daripada dapatan ini boleh dirumuskan bahawa, murid sekolah Tamil kebanyakannya lemah dalam penguasaan kosa kata bahasa Melayu dan gagal membina ayat tanpa kesalahan tatabahasa bagi memperoleh pencapaian yang tinggi dalam penulisan. Kekangan sedemikian menyebabkan murid akhirnya gagal menghasilkan karangan yang bermutu tanpa kesalahan tatabahasa dengan ayat yang gramatis. Selain itu, pengaruh bahasa ibunda menyebabkan murid lebih mudah memahami dalam bahasa Tamil berbanding bahasa Melayu yang menyebabkan minat mempelajari bahasa Melayu tidak begitu menonjol. Pengaruh bahasa ibunda menyebabkan murid lebih suka menterjemah ayat daripada bahasa Tamil kepada bahasa Melayu dan ini membawa implikasi buruk semasa murid membina ayat mahupun karangan. Dapatan ini didapati daripada analisis dokumen responden yang dijalankan oleh penyelidik. Berikutan ini, salah satu alternatif baharu harus diperkenalkan untuk murid sekolah Tamil dengan kaedah ansur maju yang mudah dan senang difahami oleh murid bagi membolehkan murid menghasilkan struktur ayat yang lengkap dengan tatabahasa yang betul.

Kekangan dari persepsi murid yang berkaitan dengan kekurangan kosa kata, ayat tergantung, ayat pendek tanpa predikat, kesalahan ejaan dan tanda baca telah disokong oleh kumpulan responden dengan memberikan persetujuan yang tinggi. Kajian Amirra Shazreena dan Subramaniam (2019), yang berasaskan Teori Analisis Kesalahan Corder, didapati bahawa murid-murid SJKT melakukan kesalahan imbuhan akhiran yang paling banyak dan sekali gus banyak melakukan kesalahan imbuhan awalan dengan menambahkan unsur yang tidak perlu. Ini membuktikan bahawa murid sekolah Tamil masih melakukan kesalahan dalam aspek tatabahasa, imbuhan, tidak dapat membina ayat dengan struktur yang betul, menulis ayat tergantung, tidak mahir membina ayat aktif dan sebagainya. Kumpulan responden telah memberikan persetujuan yang tinggi untuk setiap item dan ini membuktikan kebanyakan murid sekolah Tamil masih tidak dapat membina ayat dengan struktur yang betul, menulis ayat tergantung, tidak mahir membina ayat aktif dan sebagainya.

Kumpulan murid yang lemah ini tidak dapat menulis idea dengan ayat yang gramatis serta bermasalah dalam penggunaan kosa kata, struktur ayat, imbuhan, tanda baca dan ejaan. Tambahan lagi, daripada analisis dokumen majoriti responden kecuali M08 dan M013, gagal membina ayat dengan struktur yang betul. Selain itu, analisis dokumen yang dijalankan dari M01 hingga M20 membuktikan bahawa 95 peratus murid masih tidak

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mahir menggunakan huruf besar, tanda baca dan melakukan kesilapan ejaan semasa membina ayat dalam setiap latihan. Salah satu kriteria penskoran pencapaian tahap minimum yang digariskan dalam kertas penulisan Bahasa Melayu UPSR ialah murid tidak menguasai kemahiran tanda baca dan ejaan. Kesalahan ejaan seperti kesalahan penggunaan imbuhan awalan kerap ditemukan (Noor Zila, 2015).

Kesemua hasil kerja murid ini boleh dikatakan menyokong pendapat responden kajian dalam item soal selidik ini. Selain itu, guru-guru bersetuju ramai murid yang menyalin soalan sahaja semasa latihan atau ujian kerana murid tidak dapat menjawab soalan. Hal ini kerana kelemahan murid dalam kemahiran menulis sama ada dari aspek mekanis ataupun mentalis. Ini bertepatan dengan hasil kajian Suhaimi (2009), 30 peratus murid amat lemah dalam penggunaan sistem ejaan bahasa Melayu dan tanda baca yang betul. Kebanyakan murid mengabaikan aspek ini. Ejaan tidak diberikan perhatian oleh mereka walaupun mereka sedar akan setiap kesalahan ejaan akan dipotong markah.

Tambahan lagi, majoriti murid masih kurang berminat untuk mempelajari Bahasa Melayu dan lebih berminat untuk mempelajari Bahasa Tamil disebabkan senang memahami bahasa tersebut. Pendapat ini disokong oleh He (2016), yang menyatakan bahawa murid kebanyakannya bermasalah dalam mengorganisasikan kandungan penulisan dengan baik dan penulisan mereka terpengaruh dengan bahasa ibunda masing-masing. Kajian yang dijalankan oleh Maniam dan Ponniah (2014), yang bertajuk "*Pengaruh bahasa ibunda (Bahasa Tamil) dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu",* membuktikan bahawa memang wujud pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan pelajar sekolah Tamil, terutamanya dalam domain sintaksis dan perbendaharaan kata. Pembelajaran bahasa kedua selain bahasa ibunda membuatkan segelintir murid lebih memberi fokus kepada pembelajaran Bahasa Tamil kerana senang memahami bahasa tersebut. Menurut Nurfaradilla (2021), gangguan bahasa ibunda sering kali menjadi penyebab utama kepada motivasi rendah dalam kalangan murid India.

Berdasarkan dapatan kajian, boleh dirumuskan bahawa kelemahan dalam penguasaan kemahiran membina ayat, lama-kelamaan akan memberi impak yang begitu besar dalam pencapaian murid dalam kertas penulisan. Kelemahan dalam kemahiran membina ayat ini akan menjejaskan potensi dalam menguasai kemahiran lain dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Menyedari hakikat ini, usaha yang berterusan daripada pihak pengurusan sekolah amat diperlukan untuk mencapai matlamat demi membantu murid sekolah Tamil menguasai kemahiran membina ayat. Berdasarkan dapatan kajian, responden kajian benar-benar berusaha untuk menangani kekangan yang dihadapi semata-mata untuk membantu murid mencapai keputusan cemerlang dalam kemahiran membina ayat. Selain itu, dapatan juga menyatakan memang terdapat keperluan yang tinggi terhadap penghasilan kaedah pengajaran yang bertunjangkan kepada modul pembelajaran sebagai satu pilihan kepada para guru.

7. Cadangan

Warga pendidik khasnya guru yang berpandangan futuristik harus sedar bahawa terdapat agenda yang lebih besar untuk menyediakan anak-anak kita demi masa depan mereka. Selain itu, sebagai pendidik kita perlu mempertingkat usaha untuk menambah pengetahuan dan kemahiran, terutamanya dalam mempelbagaikan strategi pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran guru seharusnya menerapkan pelbagai strategi yang kompeten bagai memastikan kualiti pendidikan yang diterima oleh kanak-kanak sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Anida et al., 2016).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Bagi menangani kekangan murid dalam aspek tatabahasa serta kelemahan dalam membina ayat dengan struktur yang betul dan tepat, pihak Panitia Mata Pelajaran bahasa Melayu di sekolah Tamil harus berfungsi dengan sepenuhnya. Melalui panitia, guru subjek dapat membincangkan kekangan yang dihadapi, berkongsi maklumat terkini serta memilih pendekatan pembelajaran yang sesuai dan menyediakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan murid. Selain itu, melalui panitia juga kursus dalaman bagi meningkatkan pedagogi Bahasa Melayu. Sebagaimana yang kita sedia maklum, guru-guru subjek boleh dilibatkan dalam taklimat atau kursus untuk menyediakan video pengajaran secara Webinar, Webex dan ZOOM di mana kos mengendalikan kursus tidak begitu banyak . Pengajaran menjurus ke arah pembelajaran abad-21 dapat dilaksanakan apabila guru-guru diberi taklimat dan kursus seumpama ini. Pendek kata, peranan dan penglibatan panitia amat besar di sekolah Tamil dalam mempertingkatkan prestasi Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Dalam usaha meningkatkan pencapaian serta penguasaan murid sekolah Tamil dalam kemahiran membina ayat, guru subjek digalakkan untuk menyelitkan teori-teori pembelajaran seperti teori pembelajaran Koperatif, teori Konstrktivisme, teori Behaviourisme serta pendekatan Pembelajaran Masteri dan sebagainya demi merangsang pembelajaran aktif dalam bilik darjah. Teori-teori pembelajaran ini nescaya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan serta membantu guru menyampaikan PdP tanpa rasa jemu atau bosan. Penggunaan pelbagai teori seumpama ini, menyebabkan proses penyampaian maklumat serta pengetahuan tentang kemahiran membina ayat khususnya dapat disampaikan dengan efektif.

Tidak dapat dinafikan bahawa, penggunaan bahan grafik seperti gambar tunggal dan gambar bersiri memainkan peranan yang amat besar, dalam usaha mengajar murid sekolah Tamil memahami dan mendalami teknik pembinaan ayat dengan mudah dan cepat. Penyediaan bahan-bahan sebegini memudahkan murid mengamati situasi dalam setiap gambar serta dapat membina perkataan sendiri dan seterusnya membimbing mereka untuk terus membina ayat yang lengkap dengan struktur yang betul. Lazimnya, bahan grafik di sekolah rendah digunakan secara meluas semasa mengajar kemahiran membina ayat. Zahratulnadirah (2012), Manisah (2017), Aswati dan Muliana (2016) serta A. Rahman et al. (2012) telah menggunakan gambar sebagai alat pengajaran dalam kemahiran membina ayat. Hujah ini disokong oleh Datchuk (2015), di mana penggunaan gambar dan perkataan yang berkaitan dapat membantu murid dalam menulis ayat yang mudah. Menurut A. Rahman et al. (2012), penggunaan bahan grafik dapat menarik minat murid dan meningkatkan motivasi belajar. Manakala Siti Hazlilah dan Supina (2014), berpendapat gambar dapat merangsang murid untuk mencetuskan idea-idea atau perkataan- perkataan yang berkaitan dengan mudah. Dengan penggunaan bahan grafik tahap penguasaan murid dalam kemahiran membina ayat dapat ditingkatkan dengan mudah dan berkesan.

Pada masa yang sama, penyelitan bahan Teknologi dan Komunikasi (TMK) dalam penyampaian kemahiran membina ayat merupakan salah satu usaha yang baik . Hujah ini disokong oleh Bates, Phalen dan Moran (2016), " *situation where online professional development may be most useful and present a challenge for educators to consider when engaging in online learning.* Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Loh dan Zanaton (2019) dengan Pakej Peranti SBK yang menggunakan bahan TMK, membuktikan bahawa penguasaan kemahiran menulis ayat pada subjek kajian telah meningkat selepas menggunakan pendekatan TMK. Penggunaan TMK dapat menarik minat murid untuk

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

terlibat aktif dalam pembelajaran dan penggunaan teknologi turut mengisi jurang dapatan kajian yang dijalankan oleh Che Zanariah dan Fadzilah (2011). Dapatan kajian juga menunjukkan sudah tiba waktunya guru-guru Bahasa Melayu diberi peluang untuk membuat pilihan dalam kaedah pengajaran mereka. Justeru aplikasi interaktif dalam PAK 21 boleh digunakan contohnya aplikasi Bandicam (*video Pdp*) , aplikasi Kahoot (*platform pembelajaran berasaskan permainan*), aplikasi Quizizz (*penilaian formatif secara permainan*), Padlet (*papan buletin*) dan sebagainya boleh digunakan sebagai satu alternatif yang bertindak sebagai medan sokongan pengajaran untuk mengatasi kelemahan dalam kemahiran membina ayat murid sekolah Tamil agar mata pelajaran bahasa Melayu peringkat rendah menjadi lebih menarik dan dapat disampaikan dengan penuh efisien. Boleh dikatakan , penggunaan bahan PdP yang berkesan dapat membantu murid mempelajari Bahasa Melayu sebagai B2.

Menurut Juppri dan Zainiah (2016), bahan pembelajaran wajar dipelbagaikan untuk kegunaan murid ke arah meningkatkan kualiti pembelajaran. Dalam hal ini, sebagai bahan bantu mengajar guru boleh menggunakan modul pengajaran dan pembelajaran semasa PdP dan penggunaan modul ini secara tidak langsung membolehkan pelajar meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut kecepatan sendiri (*self-pacing*). Dalam bidang pendidikan pula, modul pernah diberi pengertian sebagai unit-unit media dalam satu rancangan mengajar. Modul biasanya dicipta untuk memenuhi keperluan semua kategori pelajar. Tidak keterlaluan jika dikatakan hampir semua modul yang sedia ada bermatlamat untuk menyenangkan pembelajaran pelajar, dan menjadikan pembelajaran pelajar lebih berkesan. Bukan setakat itu sahaja, modul juga direka khas bagi membantu golongan pengajar mengajar dengan lebih berwibawa. Penggunaan modul pengajaran dan pembelajaran juga mampu meningkatkan minat belajar murid tanpa terikat dengan kaedah konvensional. Pendek kata, semua tenaga pengajar diseru menyampaikan pengajaran mereka sama ada menggunakan bahan bantu mengajar dalam bentuk elektronik mahupun berbantukan modul pembelajaran agar DSKP yang digariskan oleh KPM dapat memenuhi hasrat sebenar.

Usaha meningkatkan penguasaan kemahiran membina ayat dalam kalangan murid sekolah Tamil dapat dilaksanakan sekiranya segala kekangan dapat diatasi dan dicadangkan supaya beban guru subjek BM dikurangkan demi membolehkan mereka meluangkan masa yang lebih dalam menyediakan bahan sokongan serta mempelbagaikan kaedah pengajaran ke arah pembelajaran abad ke-21. Bahan sokongan berbentuk modul adalah amat digalakkan (Raja Gopal et al., 2020).

8. Kesimpulan

Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan di atas, kekangan semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat dari aspek guru telah dikenal pasti . Pada masa yang sama, kelemahan murid dalam penggunaan kosa kata, ejaan, tanda baca dan struktur ayat turut dikesan daripada dapatan responden kajian. Sehubungan itu, kelemahan serta kekangan sedemikian harus ditangani dengan kerjasama guru, ibu bapa, panitia mata pelajaran serta pentadbir sekolah. Dengan kerjasama semua pihak, usaha meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran asas dalam kalangan murid sekolah Tamil dapat dicapai dan ditingkatkan ke tahap yang maksimum. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu meningkatkan pencapaian murid sekolah Tamil dalam Bahasa Melayu penulisan dan guru subjek harus peka terhadap perubahan semasa dalam dunia pendidikan dan berusaha untuk melengkapkan diri dengan pendedahan terkini

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menggunakan bahan sokongan semasa PdP bagi memantapkan pengajaran kepada murid sekolah Tamil.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penyelidikan ini dijalankan d bawah Skim Hadiah Latihan Persekutuan Separuh Masa) (No. Rujukkan :KPM.BBP.700-32/19/37) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kementerian pendidikan Malaysia yang menganugerahkan skim ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak melibatkan sumber kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Tiada unsur konflik kepentingan dalam penyelidikan ini.

Rujukan

A. Rahman Haron, Zamri Mahamod, Mohamed Amir Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Sharifah Nor Puteh & Jamaludin Badusah. (2012). Membina ayat berdasarkan grafik dengan Teknik 'SALAK'. *Kertas kerja Seminar Antarabangsa Pedagogy of Malay, Indonesian and other Language (PMIOL) 2012*. Anjuran Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu Malaysia dan Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung, 14-15

Abdullah, N. A., Mahamod, Z., & Shaid, N. A. H. N. (2016). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *6*(2), 1-9.

Amirra Shazreena Aminul Razin & Subramaniam, V. (2019). Kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, *7*(1), 3-1

Anida Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman & Ahmad Khair Mohd Noor. (2016). Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah Berdasarkan Inventori Penilaian Kemahiran terancang*. International Journal Of Language Education And Applied Lingustics*.

Aswati Mohd Shariff & Muliana Mohammad. (2016). Penggunaan LABA Dalam Pembinaan Dan Peluasan Ayat. *Kertas Kerja Seminar Bahasa Melayu 2016* (ms 383-392). Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Singapura.

Bahagian Pembangunan kurikulum. (2011). *Dokumen Standard KSSR*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bates, M. S., Phalen, L., & Moran, C. (2016). Online professional development: A primer. *Phi Delta Kappan*, *97*(5), 70-73.

Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd. Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Di Sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1*(1), 67-87

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Datchuk, S. (2015). Teaching handwriting to elementary students with learning disabilities: A problem-solving approach. *Teaching exceptional children*, *48*(1), 19-27.

Dazriiansyah. (2015). *Analisis Kesalahan Struktur Kalimat pada Karangan arasi Siswa Kelas XI Sekolah Menengah Kejuruan Negeri 3 Tanjung Pinang*. Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan UMRAH. Dimuat turunkan pada 10 Januari 2019 daripada http://jurnal.umrah.ac.id/?p=3787

Dunn, R., & Dunn, K. (1978). *Teaching Students through Their Individual Learning Styles.* Reston, VA: Reston.

Hashim Othman. (2005). Penilaian Tahap Penguasaan Kemahlran Menulis dalam Bahasa Melayu Murid Sekolah Kebangsaan Kebolehpercayaan Instrumen. *Prosiding Persidangan Serantau Pendidikan Bahasa Melayu Memperkasa Pendidikan Bahasa Melayu untuk Mendepani Cabaran Semasa (16-18 September 2005),* Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan.

He, X. Y. (2016). An Action Research On Improving Non-English Majors' English writing By Basic Sentence Pattern Translation Drills. *English Language Teaching*, *9*(1), 142-147.

Ibrahim Mohamed Alfaki. (2015). University Students' English Writing Problems: Diagnosis And Remedy. *International Journal Of English Language Teaching, 3*(3), 40-52

Juppri Bacotang & Zainiah Mohamed Isa. (2016). Pembangunan modul literasi awal (Modul Lit-A) untuk kanak-kanak TASKA. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, *5*, 30-48.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Induk Pembangunan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Loh, P. W., Zanaton Iksan. (2019). Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Menulis Ayat Mudah dengan Pakej Peranti SBK. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan kemanusiaan*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. \

Maniam, M., & Ponniah, E. K. (2014). Pengaruh bahasa ibunda (Bahasa Tamil) dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu. *Edusentris*, *1*(1), 54-63.

Manisah Osman. (2017). Peluasan Ayat Melalui Strategi Penggunaan Pelbagai keterangan. *Kertas Kerja Seminar Bahasa Melayu 2017* (ms 228-237). Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Singapura.

Nachiappan, S., Yin, G. S., & Sehgar, S. C. (2018). Aplikasi kemahiran kognisi dalam pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu di SJK (Cina) daerah Sabak Bernam. *PENDETA*, *9*, 32-40.

Noor Habsah Ali & Yahya Othman. (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melanau daerah Daro*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 8*(1), 33-41.

Nor'Azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman. (2018). Tahap penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan penutur bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *8*(1), 74-83

Noor Zila Md. Yusuf. (2015). *Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua* (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan dan cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. *International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (ms. 87-105).

Normazidah Mahmod. (2012). *Penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru peringkat sekolah rendah: Satu penilaian* (Tesis Doktor Falsafah). University Malaya.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Sikap Dan Motivasi Murid India Sekolah Rendah Pedalaman Tamil Dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan, 3*(3), 331-341.

Raja Gopal, R., Janan, D., & Masran. N., (2020) Need Analysis On Development Of Watak Module To Improve Malay Sentence Skills For Tamil School Students. *Journal of Critical Reviews*, *7*(16), 327 – 3331.

Ramli Md. Salleh. (2006). Imbuhan dan penandaan tematik dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu, 2*, 19-51.

Richard, P. W. (2001). Exploring teacher's belief and teh processes of change. *PAC Journal*, 41-58

Siti Hazlilah Jumali & Supina Taib . (2014, Jun 5). *Penglibatan Murid Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Melalui Penggunaan Peranti Peribadi*. Kertas Kerja Seminar Bahasa Melayu 2017 (ms 363-369). Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Singapura.

Suhaimi Yunus. (2009). *Permasalahan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu dalam kalangan murid Orang Asli,* (Kertas Projek Sarjana Sains). Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Visurasam, A. (2013). *Analisis Kesilapan Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Oleh Pelajar India: Strategi Pembelajaran Dan Pemindahan Bahasa* (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Zahratulnadirah Ibrahim. (2012). Kesan Rumus "WAT" Dalam Membantu Murid Tahun Lima Membina Ayat Gambar Tunggal Bahasa Melayu. *Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012*, ms56-68. Kuching, Sarawak.

Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahaman. (2020). *Profesion Keguruan dan Pembangunan Insan*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Mahamod. (2016). *Sosiolingustik dan Pengajaran Bahasa*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zaliza Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan Tatabahasa Melayu Dalam Penulisan Karangan Pelajar. *LSP International Journal, 4*(1), 23-35*.*

Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2010). Isu imbuhan /di-i/ Bahasa Melayu: apitan atau gabungan. *Jurnal Melayu, 5, 103-126*

Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Shariffulizan Malek. (2011). Fonologi rangkap vokal dan kepelbagaian dialek Melayu: Analisis teori optimaliti. *GEMA Online™ Journal of Language Studies, 11*(3).

Zulkifley Hamid. (2006). *Psikolingustik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).